Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1
Tarikh : 21 Syawal 1440H
25 Jun 2019

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 9/2019**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA**
**FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KRITERIA KENAIKAN PANGKAT SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN (PAKAR) GRED DU55/56 DAN PENSYARAH PERGIGIAN (PAKAR) DUG55/56 DAN PROSEDUR KERJA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa sesuai dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2019 pada 4 April 2019 mengenai kriteria kenaikan pangkat skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan (Pakar) Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian (Pakar) DUG55/56 dan MPU Bil. 6/2019 berkenaan prosedur kerja kenaikan pangkat skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan (Pakar) Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian (Pakar) DUG55/56 pada 18 Jun 2019. Bersama-sama ini, disertakan **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** untuk dilaksanakan berkuat kuasa mulai tahun 2019.

2. Sehubungan itu, sukacita sekiranya maklumat ini dapat dihebahkan kepada semua staf akademik dibawah pengawasan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Bagi staf akademik yang layak, boleh memohon berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan dapatlah kiranya YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan menguruskan permohonan berpandukan proses yang telah diluluskan.

3. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof./Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Zoraini Ibrahim, Pengurus Kanan/Ketua Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar di talian 03-8911 8223 / e-mel : zoraini@ukm.edu.my atau Puan Yuhanis Abas, Pembantu Tadbir Kanan di talian 03-8911 8247 / e-mel : yuhanis@ukm.edu.my.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

***'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'***

Salam hormat,

**ABD RAZAK HUSSIN**
Menjalankan Tugas
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Pelajar & Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

**LAMPIRAN 1**

## KRITERIA KENAIKAN PANGKAT
## SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN (PAKAR) GRED DU55/56
## DAN PENSYARAH PERGIGIAN (PAKAR) DUG55/56
**(Kelulusan Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 bertarikh 4 April 2019)**

| BIL | JAWATAN SEMASA | JAWATAN KENAIKAN PANGKAT | KRITERIA |
|---|---|---|---|
| 1. | Pensyarah Perubatan/ Pergigian (Gred DU/DUG 53/54) – **TANPA GELARAN** | Pensyarah Perubatan/ Pergigian (Gred DU/DUG 56) – **TANPA GELARAN** | <u>Kenaikan Pangkat (Time Based)</u><br><br>1. **Telah memenuhi syarat umum:**<br>a. telah disahkan dalam perkhidmatan;<br>b. mencapai 85% markah bagi Laporan Nilaian Prestasi (LNP) dan Sahsiah Tahunan bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebelum permohonan;<br>c. telah mengisytiharkan harta kepada pihak Universiti;<br>d. bebas dari pertuduhan atau hukuman tatatertib;<br>e. lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);<br>f. diperakukan oleh Ketua Jabatan;<br>g. telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** di gred hakiki DU/DUG53/54 hakiki atau Tanpa Gred (TG)/ Laluan Kerjaya(LK);<br>h. telah diwartakan sebagai Pensyarah Perubatan Pakar/Pensyarah Pergigian Pakar untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun;<br><br>2. **Memenuhi kriteria kecemerlangan berikut:**<br>a. Telah menghasilkan **2** pelajar Sarjana Klinikal/ *DrPH/** DrOPH;<br>b. Pernah/sedang terlibat dalam sekurang-kurangnya **3 projek penyelidikan**;<br>c. Telah menerbit **5 jurnal** berindeks (kumulatif dari menyandang jawatan semasa)<br>d. Terlibat dalam perkhidmatan klinikal sesuai dengan kepakaran sebagai Pakar Perubatan/ Pergigian **DAN** salah satu dari berikut:<br>i. Menjalankan tugas klinikal/ lapangan **8 jam seminggu** atau **32 jam sebulan**;<br>ii. On-call/standby mengikut ketetapan Jabatan;<br>iii. Mengendalikan kes-kes kompleks.<br>**ATAU**<br>**Memenuhi salah satu dari Sanjungan Kepakaran berikut:**<br>i. Menerima jemputan sebagai penceramah dalam bidang kepakaran<br>atau<br>ii. Menjadi ahli dalam persatuan dalam bidang kepakaran. |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Pensyarah Perubatan/ Pergigian (Gred DU/DUG 53/54) – **Dengan Gelaran** | Profesor Madya (Gred DU/DUG 56) – **Dengan Gelaran** |

**Kenaikan Pangkat (Merit)**

1. **Telah memenuhi syarat umum:**
   a. telah disahkan dalam perkhidmatan;
   b. mencapai 85% markah bagi Laporan Nilaian Prestasi (LNP) dan Sahsiah Tahunan bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebelum permohonan;
   c. telah mengisytharkan harta kepada pihak Universiti;
   d. bebas dari pertuduhan atau hukuman tatatertib;
   e. lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);
   f. diperakukan oleh Ketua Jabatan;
   g. telah diwartakan sebagai Pensyarah Perubatan Pakar/Pensyarah Pergigian Pakar;
   h. telah berkhidmat sekurang-kurangnya **dua (2) tahun di gred hakiki DU/DUG53/54** DAN memenuhi kriteria kecemerlangan mengikut **salah satu trek** yang ditetapkan; **ATAU**
   i. telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama **lima (5) tahun di gred DU/DUG53/54** (LK) DAN memenuhi kriteria kecemerlangan mengikut **salah satu** trek yang ditetapkan seperti di bawah:

**2. Kriteria Kecemerlangan**

| Bil | Kriteria | Trek | |
|---|---|---|---|
| | | Pengajaran | Penyelidikan |
| 1. | Telah menghasilkan pelajar Sarjana Klinikal/ DrPH/ DrDPH | 4 | 2 |
| 2. | Jumlah Geran (Kumulatif) | RM10,000.00 | RM50,000.00 |
| 3 | Penerbitan Jurnal (kumulatif dari menyandang jawatan semasa) | 3 jurnal terindeks mestilah WOS dan 1 daripadanya mestilah main author | 5 jurnal terindeks mestilah WOS dan 2 daripadanya main author |
| 4 | Sesi Klinikal Aktif | Terlibat dalam perkhidmatan klinikal sesuai dengan kepakaran sebagai Pakar Perubatan/ Pergigian<br>**DAN**<br>Menjalankan tugas klinikal **8** jam seminggu atau **32** jam sebulan | Terlibat dalam perkhidmatan klinikal sesuai dengan kepakaran sebagai Pakar Perubatan/ Pergigian<br>**DAN**<br>Menjalankan tugas klinikal **8** jam seminggu atau **32** jam sebulan |
| | | **ATAU**<br>Memenuhi salah satu dari Sanjungan Kepakaran berikut:<br>i. Menerima jemputan sebagai penceramah dalam bidang kepakaran **atau**<br>ii. Menjadi ahli dalam persatuan dalam bidang kepakaran | |

**LAMPIRAN 2**

## A. GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN (PAKAR) GRED DU55/56 DAN PENSYARAH PERGIGIAN (PAKAR) DUG55/56 DENGAN GELARAN

| BIL | PROSES KERJA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1. | Fakulti mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran bagi menilai calon berasaskan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan serta mutu yang istimewa, iaitu kualiti dan kekuatan kesarjanaan calon, seterusnya mengemukakan laporan. | Fakulti |
| 2. | Keahlian Jawatankuasa Kesepakaran bagi Kenaikan Pangkat ke Jawatan Prof. Madya (Gred 56) adalah seperti berikut:<br><br>**Pengerusi** : Dekan/Pengarah<br>**Ahli** : Timb. Dekan<br>: Seorang Profesor dalam bidang kepakaran calon<br>: Seorang Prof./Prof. Madya dari luar UKM dalam bidang kepakaran calon<br>: Laporan dari industri / pemegang taruh dari bidang calon<br>**Setiausaha** : Pegawai Tadbir F/I/P (Gred 41 ke atas)<br><br>** Fakulti boleh menjemput ahli lain seperti Ketua Jabatan / Pengerusi Pusat yang lebih tinggi/setara sebagai **Turut Hadir** untuk memberikan input dalam bidang / kepakaran calon jika perlu.* | Fakulti |
| 3. | Fakulti mendapatkan laporan **Pengadil Peribadi** yang dinamakan oleh calon dan **Penilai Luar** yang **dinamakan oleh Jawatankuasa Kesepakaran** bagi calon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakaran. | Fakulti |
| 4. | Fakulti perlu memaklumkan keputusan Jawatankuasa Kesepakaran dan sebab-sebab tidak berjaya kepada calon yang tidak diperakukan. | Fakulti |
| 5. | Fakulti perlu mendapatkan :<br>(a) 2 laporan daripada Pengadil Peribadi untuk Prof. Madya;<br>(b) Laporan Penilai Luar (LPL) yang menyokong permohonan calon Prof. Madya terdiri daripada :<br>• sekurang-kurangnya 1 Penilai Antarabangsa (Luar Negara);<br>• 1 penilai dalam Negara ;<br>• 1 penilai daripada pemegang taruh (stakeholder) | Fakulti |
| 6. | Bayaran saguhati diuruskan oleh Fakulti kepada ahli / penilai dengan amaun berikut:<br>(a) Ahli Jawatankuasa Kesepakaran dari luar Universiti yang dilantik, layak dibayar saguhati sebanyak RM600.00.<br>(b) Penilai luar yang telah memberikan laporan penilaian calon layak dibayar saguhati sebanyak RM500.00. | Fakulti |
| 7. | Setelah maklumat lengkap, Urusetia Fakulti hantar dokumen kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM). | Fakulti |

| | | |
|---|---|---|
| 8. | BSM akan mengaturkan JK Pemilih Kenaikan Pangkat Profesor Madya dengan keahlian seperti dibawah:<br><br>Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (TTNC)<br>Ahli : 2 orang Ahli Senat<br>: Dekan / Pengarah<br>Setiausaha : Pendaftar / Wakil (Gred 41 dan ke atas) | BSM |
| 9. | Keputusan yang dibuat oleh JK Pemilih Kenaikan Pangkat akan dibawa kepada perakuan Naib Canselor. | BSM |
| 10. | BSM akan mengeluarkan surat keputusan kepada calon. | BSM |
| 11. | Jawatankuasa Pemilih kenaikan Pangkat Staf Akademik dijadualkan mengikut keperluan. | BSM |

**B. GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN (PAKAR) GRED DU55/56 DAN PENSYARAH PERGIGIAN (PAKAR) DUG55/56 SECARA LALUAN KERJAYA (TANPA GELARAN)**

| BIL | PROSES KERJA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1. | Calon mengemukakan permohonan kepada Fakulti. | Calon |
| 2. | Fakulti mengadakan Mesyuarat JK Saringan Kenaikan Pangkat ke Gred DU56 Pensyarah Perubatan (Pakar)/ DUG56 Pensyarah Pergigian (Pakar) peringkat Fakulti bagi memperakukan calon yang telah memenuhi kriteria seperti kelulusan LPU Bil. 4/2019 bertarikh 4 April 2019. Keahlian Mesyuarat di peringkat Fakulti ini hendaklah terdiri dari:<br><br>**Pengerusi** : Dekan<br>**Ahli** : Timb. Dekan<br>: Ketua Jabatan<br>**Setiausaha** : Pegawai Tadbir F/I/P (Gred 41 ke atas) | Fakulti |
| 3. | Fakulti mengemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM) bagi calon yang diperakukan dokumen berikut:<br>i. Minit Mesyuarat JK Saringan Kenaikan Pangkat ke Gred 56 Pensyarah Perubatan/ Pensyarah Pergigian (Pakar) peringkat Fakulti<br>ii. Bukti pencapaian calon berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan seperti kelulusan LPU Bil. 4/2019 bertarikh 4 April 2019. | Fakulti |
| 4. | BSM akan mengaturkan Mesyuarat JK Pemilih Kenaikan Pangkat Profesor Madya (Laluan Kerjaya) Tanpa Gelaran. | BSM |
| 5. | Keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat JK Pemilih Kenaikan Pangkat Profesor Madya (Laluan Kerjaya) Tanpa Gelaran akan dibawa kepada perakuan Naib Canselor. | BSM |
| 6. | BSM akan mengeluarkan surat keputusan kepada calon. | BSM |
| 7. | Jawatankuasa Mesyuarat JK Pemilih Kenaikan Pangkat Profesor Madya (Laluan Kerjaya) Tanpa Gelaran dijadualkan mengikut keperluan. | BSM |

*Catatan: Garis panduan bagi proses kerja ini adalah tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa berdasarkan keputusan Pengurusan Universiti.*